

23/09/1997

Soros cuba mengelirukan dunia

TIMBALAN Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim sudah pun menjawab tuduhan pengurus dana, George Soros terhadap Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Hong Kong, kelmarin. Baginya, tindakan Soros yang mengecam begitu kuat Dr Mahathir itu tidak lain daripada percubaannya mengelirukan dunia supaya menghalalkan segala tindakannya memanipulasikan pasaran wang yang diterajuinya untuk mengaut kekayaan dirinya. Soros bukan saja dianggap cuba mempengaruhi dunia supaya merestui tindakannya, malah kenyataannya itu menunjukkan beliau tidak mengaku bersalah walau apa alasan sekalipun, terhadap segala perbuatannya yang lalu walaupun sedar rakyat di negara yang diganggu-gugatnya menghadapi krisis yang agak genting. Kini, barulah kita faham mengapa Dr Mahathir tidak mahu bersemuka dengan Soros walaupun Soros cuba berbuat demikian. Dr Mahathir mungkin sudah dapat gambaran awal bahawa pertemuannya dengan Soros tidak akan memberi sebarang makna kerana selain tiada kejujuran, Soros tidak akan mengaku kesilapannya. Walaupun Soros semalam menafikan terbabit secara besar-besaran dalam pasaran sebelum atau sewaktu krisis, beliau mengakui ada menjual baht Thailand. Soros boleh menyatakan tidak langsung menjual ringgit, malah ada membelinya, tetapi apakah perlu beliau menggunakan namanya untuk mengurus niaga.

Kita melihat wujud perbezaan nyata antara teguran Dr Mahathir terhadap Soros dan kecaman Soros terhadap Dr Mahathir. Dr Mahathir, sebagai pemimpin sebuah negara dan bertanggungjawab terhadap nasib rakyat dan negara jirannya, melihat kepada kepentingan negara yang dihimpit oleh tindakan Soros itu. Beliau tahu bagaimana rakyat di rantau ini berusaha meningkatkan taraf hidup rakyat masing-masing. Malangnya, Soros melihat daripada sudut kepentingan perniagaannya. Soros boleh mengumpul sebanyak mana wang yang diinginkannya tetapi ini tidak bermakna beliau boleh mengabaikan masa depan rakyat di negara yang teruk terjejas akibat tindakannya. Dengan bertindak mengganggu-gugat kestabilan ekonomi negara tertentu, bermakna beliau hanya memikirkan soal untung.

Ramai juga yang melihat tindakan Soros memang tidak membabitkan implikasi undang-undang tetapi di segi moralnya, Soros bertindak menyusahkan ramai pihak. Kita percaya atas asas inilah Anwar meminta masyarakat kewangan antarabangsa supaya tidak terpengaruh dengan helah Soros, sebaliknya memberi tumpuan kepada isu moral dan etika spekulator mata wang itu. Cuma, apakah soal tanggungjawab moral diambil kira oleh orang yang semata-mata mengejar keuntungan. Bagi golongan seperti ini, mereka berpendapat selagi kita mengamalkan dasar pasaran terbuka dan tertakluk kepada ciri kapitalis, sesiapa saja berhak membuat wang seberapa banyak yang termampu. Bagi mereka, soal moral tidak penting.

Kecaman Soros yang menyatakan Dr Mahathir cuba menutup kelemahan dan kegagalannya mengurus ekonomi negara ini kita anggap satu tuduhan yang menyinggung. Kita ingin memberitahu Soros, jika Malaysia saja negara tunggal di rantau ini yang menghadapi masalah, kita mungkin boleh terima dakwaannya itu. Bagaimana dengan keadaan ekonomi di beberapa negara lain seperti Thailand, yang kini teruk terjejas.

Malaysia membina ekonominya sejak kira-kira 10 tahun lalu. Ramai yang menganggap dasar pragmatik yang dijalankan di negara ini menjadi faktor keutuhan ekonomi Malaysia. Ia bukan saja diakui pelabur dan pengurus dana asing, malah diiktiraf pelbagai institusi dunia. Dalam tempoh itu, tidak ada perubahan dasar yang besar berhubung corak pengurusan ekonomi negara.

Hanya sejak beberapa bulan lalu apabila berlaku serangan besar-besaran terhadap nilai mata wang di beberapa negara termasuk Malaysia, menyebabkan keadaan berubah. Logiknya, jika dasar kewangan negara tidak diurus dengan baik, sudah lama Malaysia menghadapi masalah. Mengapa sekarang baru keadaan itu berlaku? Apakah ini belum cukup bukti berlakunya manipulasi pasaran yang tujuannya mengurangkan keyakinan pelabur dan pengurus dana terhadap sistem ekonomi negara ini. Dengan menjadikan asas kejatuhan nilai ringgit dan urus niaga di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) yang terjejas, kita nampak perbuatan itu cuba mengurangkan keyakinan pelabur terhadap ekonomi Malaysia. Lebih jelas lagi, kita tidak nampak sebarang usaha daripada pihak tertentu untuk membantu memulihkan keadaan. Mereka lebih suka ekonomi negara ini dilanda masalah.

(END)